

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 22hb Julai 2020

Bil. 08/2020

No. Ruj: PICOMS/PP/07/2020/008Jld. 1

PEMAKLUMAN: PERATURAN AKADEMIK: PROGRAM ASASI DAN PROGRAM PRASISWAZAH (Ver 03) KOLEJ UNIVERSITI ANTARABANGSA PICOMS

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pemakaian Peraturan Akademik: Program Asasi dan Program Prasiswazah (Ver 03) di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Objektif Peraturan Akademik adalah untuk;-
- i. Menyediakan garis panduan kepada Fakulti, Pejabat Pendaftar dan lain-lain untuk merancang dan melaksanakan tugas berkaitan pentadbiran dan pengurusan pelajar dan program akademik.
 - ii. Menyediakan panduan pelajar berkaitan peraturan akademik di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 2.2 Untuk makluman semua kakitangan dan pelajar PICOMS, Peraturan Akademik (Pindaan 2019) ini telah disemak bagi kali ke-3 oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), dan selepas ini dokumen ini adalah dirujuk seperti berikut;-

Nama Dokumen (Asal)	Nama Dokumen (Pindaan/Baru)
PICOMS Academic Regulation (Amendment 2019) (Foundation & Undergraduate (Diploma & Degree) Program) (Ver 03)	PICOMS Academic Regulation (Foundation & Undergraduate Program) (Ver 03)



2.3 Peraturan Akademik ini terpakai kepada Program Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa, Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

3. KEPUTUSAN MESYUARAT

3.1 Mesyuarat Senat kali ke 22 (Bil 07/2020) bertarikh 22hb Julai 2020 telah meluluskan pindaan semakan kali ke 3 pada Peraturan Akademik ini sebagai panduan semua fakulti dan jabatan.

3.2 Pihak pengurusan dan akademik tertinggi ingin menegaskan pemakaian Peraturan Akademik (Ver 03) ini dan semua kakitangan dan pelajar hendaklah melaksanakan dan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam buku Peraturan Akademik ini.

4. TINDAKAN

4.1 Pekeliling Pendaftar Bil 08/2020 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

4.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

4.3 Semua Fakulti, Pejabat dan Jabatan yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk dalam pekeliling ini kepada pelajar.

Sekian, harap maklum. Terima kasih.

“KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT”



.....
NORITA BINTI H. ARSHAD

Pendaftar

Tarikh: 22hb Julai 2020

s.k : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & PascaSiswazah)
: Dekan Fakulti Sains Kesihatan
: Dekan Fakulti Pengurusan
: Dekan Fakulti Kejururawatan
: Dekan Fakulti Farmasi
: Pengarah Pusat Kecemerlangan
: Jabatan Pendaftar
: Jabatan Kewangan
: Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni